

# Baiki segera

## LTAB:

B.H - 9 APR 1971

## PM

Oleh Zabidi Adil Salleh, Yusda Mohd Yusof dan Wan Razman Juraimi

SUBANG, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua pihak yang terbabit dalam gerakan membaikpulih Terminal Satu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di Subang yang rosak akibat kebakaran kelmarin, menyegerakan tugas masing-masing, meskipun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan.

Berikutan arahan itu, pegawai kanan jabatan berkaitan termasuk dari Perbendaharaan, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) meninjau kawasan kebakaran untuk membuat penilaian termasuk perbelanjaan pemuliharaan. Mereka yang turut dibantu oleh beberapa anggota Polis Diraja Malaysia.

Menteri Kerjaraya, Datuk Leo Moggie dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabaruddin Chik turut melawat tempat kejadian.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Syed Sidi Syed Aidid berkata, Perdana Menteri mahu supaya kerja membaikpulih tidak dilengah-lengahkan tanpa alasan munasabah.

Katanya, Dr Mahathir mahu semua pihak terbabit menggunakan keupayaan sepenuhnya bagi memastikan lapangan terbang itu dapat digunakan sepenuhnya secepat mungkin, meskipun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tambahan.

Oleh itu, Syed Sidi berkata Perdana Menteri mahu Perbendaharaan dan Kementerian Pengangkutan mengenal pasti anggaran kerugian akibat kebakaran itu secepat mungkin dan menjalankan tindakan perlu.

"Kami juga akan berhubung dengan Jabatan Pe-



nerbangan Awam (DCA) bagi mendapatkan anggaran untuk memulihkan Terminal Satu lapangan terbang itu," katanya kepada *Berita Harian* ketika melawat tempat kejadian.

"Kementerian Pengangkutan juga menubuhkan sebuah badan khas bagi melicinkan proses penyediaan peruntukan yang diperlukan," katanya.

Syed Sidi berkata, siasatan akan turut membabitkan anggaran kerugian yang ditanggung oleh pemilik kedai bebas cukai yang terbabit dalam kebakaran itu.

Bagaimanapun, katanya, pemilik kedai semestinya sudah menginsuranskan kedai mereka seperti yang ditetapkan ketika membuka kedai di situ.

Sementara itu, wakil Jabatan Perbendaharaan Negara, Abdul Aziz Mohamad, berkata pihaknya sedang menilai jumlah kemusnahan di situ, selain berdasarkan penilaian DCA.

Beliau berkata, perkara itu perlu dilakukan segera untuk memastikan terminal berkenaan beroperasi seperti sediakala secepat mungkin.

"Tindakan ini perlu disegerakan kerana suasana di lapangan terbang memberi gambaran awal imej negara kepada pelancong.